

RM2 juta bangun IKS: Azmin bidas kerajaan S'gor
Malaysiakini.com
November 15, 2010

Seorang anggota penyokong kerajaan negeri berkata peruntukan berjumlah RM2 juta bagi pembangunan usahawan industri kecil sederhana (IKS) di Selangor bagi 2011 adalah amat kecil.

NONEMohamed Azmin Ali (PKR-Bukit Antarabangsa) berkata IKS di Selangor perlu dibangunkan kerana ia mampu menjana sumber pendapatan bagi Selangor.

Peranan IKS di dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi sesebuah negara telah terbukti sebagaimana di Korea Selatan dan Taiwan, katanya semasa membahaskan Usul Anggaran Peruntukan Pembangunan 2011 di sidang Dewan Undangan Negeri di Shah Alam hari ini.

Jika kerajaan negeri betul-betul serius untuk membangunkan IKS, beliau berkata peruntukan untuk membangunkan sektor itu perlu ditingkatkan, katanya.

Azmin juga berkata takrifan IKS yang diguna pakai oleh kerajaan negeri perlu diperluaskan daripada industri kampung kepada industri maklumat dan perkhidmatan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/148290>